**Pihak Berkuasa Kawalan Dadah**
Drug Control Authority
**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**
MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA

Ruj. Kami : ( 90 )dlm.BPFK/02/5/1.3
Tarikh :
10 DEC 2007

**SEMUA PEMEGANG PENDAFTARAN**

Tuan,

**MENGELUARKAN PERKATAAN "DILULUSKAN OLEH KKM" PADA LABEL PRODUK UBAT-UBATAN DI PASARAN TEMPATAN, TIDAK MEMBENARKAN PERKATAAN YANG SAMA DIMUATKAN PADA LABEL UBAT YANG AKAN DIDAFTARKAN.**

Adalah saya dengan segala hormatnya merujuk kepada keputusan Mesyuarat Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) kali ke **199** yang telah diadakan pada **04hb. Disember 2007** mengenai perkara di atas.

2. Pihak PBKD di dalam mesyuarat tersebut telah memutuskan bahawa:

a) Perkataan "Diluluskan oleh KKM" tidak perlu lagi diletakkan pada label produk berdaftar kerana terdapat label halogram yang digunakan bagi memantau produk yang berdaftar dipasaran dan juga nombor pendaftaran ubat telah membuktikan produk tersebut telah dinilai oleh PBKD.

b) Perkataan "Diluluskan oleh KKM" dikeluarkan dari label semua produk yang berdaftar di pasaran dan juga tidak dibenarkan untuk dimuatkan pada label ubat-ubat yang akan didaftarkan.

3. Semua pemegang pendaftaran produk adalah diminta mematuhi arahan ini dalam **tempoh 6 bulan** dari tarikh keputusan Mesyuarat PBKD dibuat.

Sekian, terima kasih.

**" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "**
**" UTAMAKAN KUALITI , EFIKASI , DAN KESELAMATAN "**

Saya yang menurut perintah,

**(SELVARAJA SEERANGAM)**
Setiausaha
Pihak Berkuasa Kawalan Dadah
Kementerian Kesihatan Malaysia.

/mdM-f061237- DCA\Pekeliling\2007\199

s.k:

6. Ketua Pusat Pembangunan Organisasi (PPO), BPFK.
7. Cosmetic, Toiletries and Fragrance Association of Malaysia (CTFA)
8. FMM Malaysia Cosmetics and Toiletries Industry Group (FMM-MCTIG)
9. Direct Selling Association of Malaysia (DSAM)
10. Persatuan Kosmetik Bumiputera
11. Presiden, Persatuan Pengeluar Ubat Tradisional Melayu Malaysia (PURBATAMA)
12. Presiden, Majlis Perubatan Homeopathy Malaysia
13. Presiden, Persekutuan Perubatan Tradisional Melayu Malaysia (PUTRAMAS)
14. Presiden, Pertubuhan Perubatan Tradisional India Malaysia (PEPTIM)
15. Presiden, Federation of Chinese Physicians & Medicine Dealers Association Malaysia (FCPMDAM)
16. Presiden, Persatuan Pengeluar Ubat Cina Malaysia
17. Presiden, Persatuan Pengimport Ubat Arak Perubatan & Barangan Kesihatan Cina Malaysia